

Gaya hidup perlu sesuai dengan tahap pembangunan

UM 22 AUG 2013

JOHOR BAHRU 21 Ogos — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad meminta rakyat Malaysia supaya menukar gaya hidup mereka sesuai dengan pembangunan yang dicapai bagi membolehkan negara ini dikenali sebagai negara bertamadun.

Perdana Menteri berkata, zaman sekarang berbeza dengan zaman ketika mencapai kemerdekaan dahulu dan seharusnya rakyat membina imej yang lebih baik termasuk cekap menggunakan kemudahan yang disediakan.

“Masing-masing di Malaysia mempunyai idea yang unik dan mereka boleh mengambil peluang untuk membangunkan projek yang begitu menarik.

“Bagaimanapun perkara-perkara penting yang perlu diterima oleh rakyat ialah menerima cara hidup baru itu kerana kita tidak boleh hidup cara lama dan kurang cekap dalam menggunakan kemudahan yang canggih serta bermutu tinggi itu,” katanya.

Perdana Menteri berkata demikian ketika berucap pada majlis pecah tanah ‘Festive Street Mall’ di Danga Bay ‘Bandar Wawasan Selatan’ di sini, hari ini.

Projek Danga Bay telah dilancarkan dengan rasmi pada Mei 2000 dan Danga Bay Sdn. Bhd. adalah sebuah syarikat usaha sama dengan kerajaan negeri melalui Kumpulan Prasarana Rakyat Johor (KPRJ).

KPRJ memegang 30 peratus dalam syarikat tersebut yang dipertanggungjawabkan memajukan tanah di tiga muara sungai iaitu Sungai Skudai, Sungai Danga dan Sungai Melayu.

Perdana Menteri turut menjelaskan, ramai pelancong menegur cara rakyat negara ini menggunakan kemudahan tertentu dan jika kemudahan kelas pertama diberikan tetapi rakyat terus menjadi pengguna kelas ketiga, maka ia tidak akan memberikan gambaran yang baik kepada pelancong.

Dalam ucapannya itu juga, Dr. Mahathir berkata, negara ini mempunyai projek besar dengan pelbagai kemudahan termasuk riadah disediakan dan melalui pembangunan itu ‘skala ekonomi’ dapat dicapai.

Beliau turut menyatakan keyakinannya terhadap projek Danga Bay yang akan menjadi projek yang bermutu tinggi dan ia akan mengubah imej negara ini sesuai dengan kemajuan yang dicapai selama ini.